

# Musabqah Quran peringkat antarabangsa

# Apakah kita akan mampu juara?

Bahan asal dari Akrib

Negara Malaysia

MALAM ini, Stadium Merdeka lagi kali ke-23 menjadi tumpuan perhatian bukan sahaja di kalangan umat Islam di negara ini tetapi oleh seluruh umat Islam di negara-negara Islam di dunia.

Tahun ini adalah kali yang ke-23 musabqah membaca Quran peringkat antarabangsa diadakan. Sejak musabqah peringkat antarabangsa ini dimulakan dalam tahun 1961, perhatian luar, khususnya dari negara-negara Islam terhadap Malaysia, walaupun bukan sebagai sebuah negara Islam di rantau ini, tetapi semakin bertambah kerana tindakan-tindakan berjaya yang dilakukan oleh kerajaan membaca Quran yang telah dapat menyebarkan nilai-nilai luhur agama negara-negara Islam.

Sejak musabqah peringkat antarabangsa ini diadakan, ramai telah qari dan qariah Malaysia mencapai kejayaan sama ada menjadi johan atau naib johan dalam kedua-dua bahagian.

Dalam sejarah musabqah ini diadakan, banyak qariah gagal mencapai kejayaan lalu dalam tahun 1979, qari dari Iran muncul sebagai juara, manakala qariah dari Indonesia berjaya merobut gelaran johan yang dimenangi oleh Malaysia di tahun sebelumnya.

### Sejarah pahit

Apakah menjadi tanda tanya kepada masyarakat Islam di Malaysia sekarang ini ialah: Mungkinkah Malaysia akan dapat memenangi kedua-dua johan? Atau hanya memenangi salah satu, lalu qari atau qariah sahaja. Atau mungkinkah sejarah pahit 1979 akan berulang lagi?

Sejarah pahit ini bukan mustahil boleh berlaku lebih-lebih lagi jika kita merenung kembali kata-kata Pengerusi Jawatankuasa Musabqah Membaca Quran Peringkat Antarabangsa, Tan Sri Syed Nasir Ismail, ketika diminta mengulas kalahannya Malaysia tahun ini.

Kejuaraan musabqah membaca Quran di peringkat antarabangsa mungkin akan disertai dengan Piala Thomas yang tidak akan kembali lagi ke Malaysia

sekarang, qari dan qariah Malaysia tidak berusaha mempertingkatkan mutu bacaan mereka di masa depan," katanya.

Bagaimanapun, tahun lalu Malaysia berjaya merobut sembilan kejuaraan qari bila pesertanya, Haji Abdul Ghani Abdullah berjaya dalam musabqah tersebut.

Kejayaan tahun lalu rasanya tidaklah dapat dibanggakan sepenuhnya kerana hanya bahagian qariah sahaja berjaya manakala qariahnya gagal sekali lagi dari merobut, kejuaraan itu dari peserta Indonesia.

Qariah dari Indonesia, Puan Maria Ulfah binti Haji Mudoftar berjaya mempertahankan kejuaraan untuk negaranya bagi dua tahun berturut-turut.

Memadangkan kepada kejayaan yang telah dicapai oleh negara-negara luar dalam musabqah ini, bukanlah satu perkara mudah bagi Malaysia untuk mengalahkan johan yang lebih-lebih lagi untuk merobut johan qariahnya.

Ini disebabkan para peserta dari negara-

negara lain yang turut mengadu nasib bukanlah sama kedatangannya seperti 20 tahun dulu, tetapi telah lebih arif dan faham akan kegagahan Malaysia dalam segi pembacaan Quran.

Dari pengalaman yang diperolehi oleh peserta-peserta negara luar, mereka semestinya tidak akan terus-terusan membiarkan peserta dari Malaysia sahaja membolot kejuaraan di samping menerima hadiah-hadiah yang lumayan.

Justeru kerana itu mereka juga berusaha sedaya upaya untuk memenangi musabqah tersebut dengan meningkatkan nilai atau mutu bacaan masing-masing.

Para peserta, terutama bahagian qariah dari negara-negara Iran, Bangladesh, Thailand, Brunel dan Indonesia bukanlah merupakan satu hal yang mudah untuk ditewakkan oleh qari Malaysia.

Dari kemenangan yang pernah dicapai oleh negara-negara tersebut,

### Oleh SARING SIRAD

tidak mustahil kalau kejuaraan qari tahun ini akan terlepas sekali lagi dari tangan Malaysia.

Bagaimanapun, usaha yang dijalankan oleh peserta-peserta luar negeri untuk mencapai kejayaan dalam musabqah ini, para peserta Malaysia lebih mempunyai ketahanan dan latihan-latihan yang akan mewaliki Malaysia dalam musabqah ini sedang dijalankan.

Ini berkaitan adanya kelas membaca Quran dan latihan-latihan kepada qari dan qariah yang akan mewaliki Malaysia dalam musabqah ini sedang dijalankan.

### Persingan

Namun Malaysia harus berhati-hati dan jangan terlalu percaya akan menanginya kerana negara-negara lain juga tidak ketinggalan mengadakan latihan-latihan yang berkesan-sungguh di kalangan qari dan qariahnya yang akan mewaliki negara mereka ke musabqah ini.

Tahun ini sebanyak 22

negara Islam akan turut serta mengambil bahagian dalam musabqah ini. Jumlah pesertanya tentulah ramai dan dengan itu peralangan yang hebat. Lebih-lebih lagi usaha musabqah ini semakin dewasa. Di mana negara-negara peserta juga semakin arif memilih serie mengantarabangsa. Penyerahan mereka kali ini bukan seia-kali untuk memangkikan alitaurah antara para peserta dan negara berkenaan, tetapi juga untuk membuktikan kemampuan masing-masing sebagai juara dalam membawakan lagu-lagu yang suci yang telah menjadi pusat perhatian umum di kalangan umat Islam di dunia.

Sejak diadakan musabqah peringkat kebangsaan diadakan di Seremban baru-baru ini, amat ingatkan kepada para peminat bacaan Quran, mengantungkan harapan kemenangan Malaysia di peringkat antarabangsa kepada Johan tahun lalu, Haji Abdul Ghani Abdullah.

Tetapi setelah musabqah peringkat kebangsaan selesai dijalankan, harapan itu berkecal disebabkan Haji Abdul Ghani, yang juga johan menunggu, tidak berjaya mendapat tempat pertama atau kedua bagi membolehkan menyertai peringkat antarabangsa.

Dengan lain perkataan, wakil Malaysia ke musabqah peringkat antarabangsa tahun ini diwakili oleh orang baru. Baru dalam erti bukan diwakili oleh johan tahun lalu.

Tahun ini Malaysia akan diwakili oleh qari dari Wilayah Persekutuan yang berjaya menjadi juara di peringkat kebangsaan iaitu Haji Mohamad bin Hasri.

Jika ditinjau dari pengalaman dan kebolehan, Haji Mohamad bukanlah orang baru dalam bidang membaca al-Quran. Malah mungkin siapa tahu beliau akan dapat mengatasi gaya dan lagu qari-qari kita sebelumnya.

Tetapi memandang kepada mutu bacaan peserta, mereka yang diperolehinya di peringkat kebangsaan, rasanya sakit juga Malaysia untuk menduduki johan atau mengalahkan kejuaraannya tahun ini.

Bagaimanapun, harapan Malaysia terubuh luas kerana sebagaimana tahun-tahun lalu, Malaysia diberi ketahanan mengantarabangsa dua peserta dalam musabqah di peringkat antarabangsa.

Mereka yang dipilih mewakili Malaysia biasanya ialah mereka yang berjaya mendapat tempat pertama dan kedua di peringkat Kebangsaan. Tahun ini, Haji Mohamad Awang Teh berjaya menjadi naib johan ini - peringkat kebangsaan.

Oleh itu, jika Haji Mohamad Hasri tewas, mungkin Haji Mohamad Awang Teh dapat mempertahankan kejuaraan. Tetapi kalau kedua-duanya tewas, tentulah membuktikan bahawa mutu peserta yang telah merosot. Langkah paling bijak ketika itu, kita hendaklah mengukir kejayaan untuk kita mencapai kejayaan johan pada tahun akan usaha dan azam orang lain.

Menyentuh bahagian qariahnya juga mungkin bertamabah sulit. Johan tahun lalu, Cik Maria Ulfah, kalau pun tidak akan dapat mewakili negaranya sekali lagi ke peringkat antarabangsa ini, tentunya Indonesia telah mendapat qariah baru yang mungkin lebih baik mutu bacaan dan lagunya dari Maria Ulfah sendiri.

Selain dari itu, apakah kita lupa kepada peserta-peserta wanita dari Thailand, Brunel dan Singapura yang bukan sedikit memberi tentangan kepada kebolehan qariah kita yang bakal mewaliki Malaysia nanti.

Rasanya, kedua-dua wakil Malaysia di peringkat ini, iaitu Hajjah Sepinah Abdullah selaku johan peringkat kebangsaan dan naibnya Puan Aminah Omar dari Trengganu, mempunyai tugas berat untuk merampas kejuaraan dari peserta Indonesia.

Tetapi walaupun bagaimanapun, tentangan dan cabaran oleh para peserta luar terhadap wakil Malaysia di peringkat ini, rasanya jika latihan yang diberikan kepada qari dan qariah Malaysia sebagaimana yang dikatakan sedang berjalan terus sekarang ini, mungkin akan membolehkan kejayaan yang diharapkan.

Sesungguhnya, Malaysia mengunjurkan musabqah peringkat



● FERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilirangi oleh Tan Sri Syed Nasir Ismail berodar selepas menjinjau astaka Musabqah membaca Quran peringkat antarabangsa di Stadium Merdeka di Kuala Lumpur malam semalam. — Gambar Berita Harian.